

KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)

KEPUTUSAN SIASATAN EAIC KE ATAS ADUAN TERHADAP JABATAN ALAM SEKITAR IBU PEJABAT PUTRAJAYA DAN JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SEMBILAN

***UNTUK SIARAN SEGERA
18 DISEMBER 2025***

EAIC merujuk kepada kenyataan media terdahulu pada 4 Disember 2025 berhubung aduan terhadap Jabatan Alam Sekitar (JAS) Ibu Pejabat Putrajaya dan JAS Negeri Sembilan berkenaan tindakan terhadap kes pelupusan bahan terjadual secara haram di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan.

EAIC telah menerima dua (2) aduan berhubung perkara berikut—

- (i) Kegagalan JAS mengambil tindakan ke atas kes pelupusan bahan terjadual secara haram di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan;
- (ii) Penyalahgunaan kuasa, kedudukan dan campur tangan oleh pegawai JAS Ibu Pejabat Putrajaya dan pegawai-pegawai JAS Negeri Sembilan yang mengganggu siasatan kes Bukit Pelandok tersebut;
- (iii) Hubungan baik pegawai JAS Ibu Pejabat Putrajaya dan Negeri Sembilan dengan pemilik syarikat yang terlibat dalam siasatan kes sehingga berlaku campur tangan dalam arahan pertukaran pegawai JAS;
- (iv) Penglibatan dan hubungan baik antara pegawai JAS Ibu Pejabat Putrajaya dan Negeri Sembilan terbabit dengan pihak-pihak berkepentingan sehingga menyebabkan pendedahan maklumat sulit; dan

- (v) Tindakan pegawai JAS Ibu Pejabat Putrajaya yang menyokong permohonan sebuah syarikat di Negeri Sembilan untuk penambahan kod bahan terjadual walaupun permohonan tersebut adalah tidak teratur.

HASIL SIASATAN

Siasatan telah dijalankan selaras dengan subseksyen 27(4) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*], dan hasil siasatan adalah seperti berikut:

(a) Tiada Kegagalan Mengambil Tindakan oleh JAS Negeri Sembilan

Aduan terhadap JAS Negeri Sembilan berkaitan kegagalan mengambil tindakan ke atas kes Bukit Pelandok adalah tidak tepat kerana pasukan siasatan JAS telah berjaya melengkapkan siasatan kes tersebut yang membawa kepada pendakwaan terhadap pengarah syarikat terbabit dalam kes pembuangan bahan terjadual secara haram di Bukit Pelandok, Negeri Sembilan;

(b) Ketidakpatuhan pegawai sehingga menimbulkan percanggahan kepentingan

Seorang pegawai Pengurusan Tertinggi JAS Ibu Pejabat Putrajaya didapati ingkar perintah kerana mempunyai hubungan baik dengan pihak berkepentingan sehingga menimbulkan percanggahan kepentingan.

(c) Ketidakpatuhan pegawai mengakibatkan campur tangan pihak luar dan pendedahan maklumat sulit

Pegawai-pegawai JAS Negeri Sembilan terbabit didapati ingkar arahan, tidak bertanggungjawab dan tidak amanah serta mempunyai hubungan baik dengan pihak berkepentingan sehingga menyebabkan campur tangan pihak luar dalam operasi dan pentadbiran JAS Negeri Sembilan serta pendedahan maklumat sulit.

(d) Ketidakpatuhan pegawai yang menyalahguna kedudukan dan kuasa

Pegawai-pegawai JAS Negeri Sembilan terbabit didapati ingkar perintah dan mempunyai hubungan baik dengan pihak berkepentingan, serta menyalahgunakan kedudukan mereka untuk mengesyorkan pemilihan jururunding; dan

(e) Kegagalan pegawai dalam mengisytiharkan harta

Pegawai-pegawai JAS Ibu Pejabat, Putrajaya dan JAS Negeri Sembilan didapati tidak mematuhi keperluan pengisytiharan harta seperti yang ditetapkan.

Sehubungan itu, EAIC memutuskan—

I. Merujuk hasil siasatan kepada Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Pihak Berkuasa Tatatertib Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan mengesyorkan hukuman tatatertib terhadap pegawai yang terlibat di bawah Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] (dipinda melalui P.U.(A) 246/2002). Kesalahan tatatertib yang dikenal pasti termasuk:

- (i) mempunyai hubungan baik dengan pihak berkepentingan sehingga menimbulkan percanggahan kepentingan;
- (ii) menggunakan pengaruh luar yang menyebabkan pelanggaran Kod Etika dan Tatakelakuan JAS; dan
- (iii) ingkar perintah.

Tindakan-tindakan ini merupakan kesalahan tatatertib di bawah subperaturan 4(2)(c), (h) dan (i) peraturan yang sama;

II. Merujuk hasil siasatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib JAS dengan mengesyorkan hukuman tatatertib terhadap semua pegawai JAS Negeri Sembilan yang terlibat di bawah Peraturan 38, P.U.(A) 246/2002. Kesalahan tatatertib yang dikenal pasti termasuk:

- (i) penglibatan dengan pihak berkepentingan sehingga menyebabkan campur tangan pengaruh luar dalam pentadbiran JAS;
- (ii) pendedahan maklumat sulit;
- (iii) mengesyorkan pemilihan jururunding; dan
- (iv) tidak amanah, tidak bertanggungjawab dan ingkar perintah.

Tindakan-tindakan ini merupakan kesalahan tatatertib di bawah **Peraturan 4(2)(b), (c), (f), (g), (h) dan (i)** peraturan yang sama;

- III. Mengesyorkan pertukaran pegawai JAS Ibu Pejabat Putrajaya dan JAS Negeri Sembilan yang terlibat dari perjawatan sedia ada sementara menunggu keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib; dan**
- IV. Merujuk hasil dapatan siasatan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan selanjutnya.**

EAIC turut mengesyorkan supaya surat penghargaan diberikan kepada Pasukan Siasatan JAS Negeri Sembilan yang bertanggungjawab menyiasat kes Bukit Pelandok. Syor ini selaras dengan dapatan EAIC bahawa pasukan tersebut telah mengambil tindakan segera dan berjaya menyelesaikan siasatan dalam tempoh kurang daripada lapan (8) bulan, walaupun terdapat penglibatan dan campur tangan pihak-pihak berkepentingan.

EAIC juga mendapati bahawa siasatan yang dijalankan oleh Pasukan Siasatan JAS Negeri Sembilan telah dilaksanakan mengikut Prosedur Tetap Operasi Penyiasatan Pelupusan Haram Buangan Terjadual JAS serta Arahan Tetap Operasi Penguatkuasaan (Punca Tetap) – Siri V Garis Panduan Penyediaan Kertas Siasatan.

#TAMAT#

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN (EAIC)
PUTRAJAYA**